



NEGERI PERLIS



PENYATA
KEWANGAN 2014

KANDUNGAN

i PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI

ii SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN

1 Laporan Bendahari Negeri

13 Penyata Kedudukan Kewangan

14 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

18 Penyata Prestasi Kewangan

19 Penyata Akaun Memorandum

20 Nota Kepada Penyata Kewangan

LAMPIRAN KEPADA NOTA

31 Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus

43 Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan

61 Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut

62 Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam

66 Lampiran 5 - Penyata Ringkas Tunggakan Hasil



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting.
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2014.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014.


TUAN MOHAMMAD BIN ISMAIL

Pegawai Kewangan Negeri Perlis

22 Januari 2015


ROHANI BINTI CHE MIE

Bendahari Negeri Perlis

22 Januari 2015



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2014; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia. "

Putrajaya
7 Mei 2015



LAPORAN BENDAHARI NEGERI



PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan untuk menerangkan secara ringkas kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis sepanjang tahun 2014. Maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah ringkasan data yang diperolehi daripada Penyata Kewangan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

PRESTASI BELANJAWAN

Belanjawan tahun 2014 telah memperuntukkan sebanyak RM188.84 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM58.99 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan, manakala kutipan hasil dianggarkan berjumlah RM82.77 juta. Dewan Undangan Negeri juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM51.61 juta untuk perbelanjaan mengurus menjadikan peruntukan keseluruhan berjumlah RM240.45 juta, manakala tambahan peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan berjumlah RM1.29 juta. Walau bagaimanapun sebanyak RM2.00 juta peruntukan pembangunan telah ditarik balik oleh Perbendaharaan menjadikan peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2014 berjumlah RM58.28 juta.

Jadual 1 menunjukkan prestasi sebenar Kutipan Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan berbanding dengan Anggaran Belanjawan (Kemaskini) 2014.

JADUAL 1

PRESTASI BELANJAWAN HASIL, BELANJA MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2014


Butiran	Bajet		Sebenar		Prestasi	
	2014 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (%)	2013 (%)
Hasil	82.77	76.12	168.04	143.82	203.02	188.94
Mengurus	240.45	192.40	232.75	179.10	96.80	93.09
Pembangunan	58.28	80.74	55.35	69.42	94.97	85.98

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ke tiga-tiga akaun kumpulan wang yang disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Carta 1 menunjukkan kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 1



Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank (termasuk Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang), Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Baki Wang Tunai pada 31 Disember 2014 berjumlah RM42.86 juta iaitu berkurang sebanyak RM47.03 juta (52.32%) berbanding baki pada tahun 2013 sebanyak RM89.89 juta.

Laporan terperinci mengenai wang tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Pelaburan

Tiada pelaburan dilaporkan kerana semua Pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM10.00 juta telah dikeluarkan bagi menampung keperluan tunai dalam tahun 2014. Rujuk Nota 4, **Nota Kepada Penyata Kewangan**.

AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan Mengakaun semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Dalam tahun 2014 akaun ini mencatat kurangan sebanyak RM64.70 juta menjadikan defisit terkumpul meningkat daripada RM242.56 juta dalam tahun 2013 kepada RM307.26 juta pada akhir tahun 2014.

Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai terdiri daripada cukai tanah, cukai parit dan taliair dan cukai keluaran hutan. Hasil Bukan Cukai termasuk kenaikan bayaran daripada kelulusan permit, lesen, bayaran perkhidmatan, jualan air, sewaan harta benda kerajaan, faedah dan pulangan dari pelaburan serta penalti dan denda. Terimaan Bukan Hasil pula merangkumi pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan serta pulangan balik perbelanjaan.


Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 berjumlah RM168.04 juta, meningkat sebanyak 16.84% (RM24.22 juta) berbanding kutipan tahun 2013 sebanyak RM143.82 juta. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 adalah seperti di Jadual 2.

**JADUAL 2
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 DAN 2014**


Bil	Butiran Hasil	Tahun		Kenaikan/ (Penurunan)	
		2014 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM juta)	(%)
1.	Pemberian Kerajaan Persekutuan	60.52	65.34	(4.82)	(7.38)
2.	Premium Tanah	44.28	27.88	16.40	58.82
3.	Jualan Air	14.57	15.13	(0.56)	(3.70)
4.	Cukai Tanah	10.12	10.06	0.06	0.60
5.	Terimaan dari Agensi Kerajaan	9.74	0.00		
6.	Permit Tanah dan Galian	6.05	4.46	1.59	35.65
Jumlah		145.28	122.87	22.41	18.24

Laporan terperinci mengenai hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5, Nota Kepada Penyata Kewangan**. Carta 2 menunjukkan Jumlah kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut komponen bagi tahun 2014 manakala Carta 3 menunjukkan prestasi kutipan bagi ketiga-tiga komponen dalam tempoh 5 tahun.

CARTA 2



CARTA 3



Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan. Manakala Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan bagi membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan Negeri.

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri dalam tahun 2014 berjumlah RM229.45 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM3.29 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan). Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan tetap (iaitu caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air, pemberian bantuan am kebajikan, bayaran balik pinjaman dan bayaran pencen), bayaran emolumen (iaitu bayaran gaji dan elaun kakitangan Kerajaan Negeri) serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan dan bayaran utiliti.

Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM19.44 juta iaitu 8.47% daripada jumlah perbelanjaan mengurus 2014. Sebahagian besar perbelanjaan tanggungan adalah terdiri daripada bayaran balik pinjaman berjumlah RM 9.68 juta (49.79%) dan bayaran pencen ADUN/EXCO berjumlah RM3.94 juta (20.27%).

Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM210.02 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM3.29 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) merupakan 91.53% daripada perbelanjaan mengurus 2014. Jika dibandingkan dengan jumlah Perbelanjaan Mengurus yang dilakukan dalam tahun 2013, didapati berlaku peningkatan sebanyak 56.99% atau RM83.29 juta.

Ringkasan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri mengikut komponen perbelanjaan ditunjukkan dalam Jadual 3.

**JADUAL 3
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Komponen Perbelanjaan	2014	2013	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Emolumen	42.78	39.59	3.19	8.06
Perkhidmatan Dan Bekalan	55.97	50.47	5.50	10.90
Aset	47.53	2.55	44.98	1763.92
Pemberian Dan Kenaan Tetap (Tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	82.99	53.41	29.58	55.38
Lain-Lain Perbelanjaan	0.18	0.14	0.04	28.57
JUMLAH	229.45	146.16	83.29	56.99

Perbelanjaan Emolumen sebanyak RM42.78 juta merupakan 18.64% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2014. Meningkatkan sebanyak 8.06% berbanding perbelanjaan tahun 2013 berjumlah RM39.59 juta disebabkan bayaran bantuan khas kewangan dan pergerakan gaji tahunan.


Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM55.97 juta merupakan 24.39% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2014. Perbelanjaan ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 10.90% berbanding perbelanjaan dalam tahun 2013 disebabkan peningkatan dalam kerja-kerja pemasangan, pembaikan dan penyelenggaraan elektrik.

Perbelanjaan perolehan Aset bagi tahun 2014 berjumlah RM47.53 juta, iaitu 1,763.92% lebih tinggi berbanding perbelanjaan tahun 2013 berjumlah RM2.55 juta disebabkan bayaran pengambilan balik tanah daripada FELDA Global Ventures Sdn. Bhd. (FGV) berjumlah RM43.04 juta dan pembelian kenderaan rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Tetap yang merangkumi perbelanjaan untuk bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan, bayaran pencen dan ganjaran serta pemberian dan bantuan lain berjumlah RM82.99 juta. Perbelanjaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 55.38% berbanding perbelanjaan 2013 berjumlah RM53.41 juta disebabkan tambahan Pemberian Bantuan Am Negeri kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, tambahan caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air bagi bayaran bil elektrik loji air serta tambahan caruman kepada akaun Amanah SUKMA bagi menampung perbelanjaan sempena penganjuran SUKMA XVII Perlis 2014

Aliran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan dalam Carta 4. Laporan terperinci perbelanjaan mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

CARTA 4



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman, bayaran balik dan pindahan pinjaman yang diterima ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 2014, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM11.22 juta bagi membiayai projek-projek seperti di Jadual 4.

JADUAL 4
PROJEK-PROJEK YANG DIBIAYAI DARI PINJAMAN

Bil.	Amaun Pinjaman	Projek
	RM Juta	
1.	3.19	Program Pengurangan Air Tak Terhasil
2.	6.49	Pembinaan Semula Pekan Melayu oleh PKENPs
3.	1.54	Pembinaan Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri

Sehingga 31 Disember 2014 akaun ini tidak berbaki kerana semua pinjaman yang diterima telah disalurkan ke dalam Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Pembangunan dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs).

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Sehingga 31 Disember 2014 akaun ini berbaki RM350.13 juta berbanding RM342.45 juta pada 31 Disember 2013. Jadual 5 menunjukkan kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2013 dan 2014.

JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

Perihal	2014	2013	Peningkatan/ (Penurunan)	
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:				
Kumpulan Wang Pembangunan	14.05	27.96	(13.91)	(49.75)
Kumpulan Wang Bekalan Air	0.10	(31.09)	31.19	100.32
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	243.64	107.25	136.39	127.17
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	257.79	104.12	153.67	147.59
Kumpulan Wang Amanah Awam	53.48	201.07	(147.59)	(73.40)
Akaun Deposit	38.86	37.26	1.60	4.29
Jumlah Akaun Amanah Disatukan	350.13	342.45	7.68	2.24

Laporan terperinci mengenai Akaun Amanah Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 7, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia dikategorikan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Dalam tahun 2014 akaun ini berbaki kredit sebanyak RM257.79 juta iaitu berlaku peningkatan sebanyak RM153.67 juta berbanding RM104.12 juta pada tahun 2013.

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan telah diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] bagi membiayai perbelanjaan berkaitan projek-projek pembangunan. Terimaan kumpulan wang ini menurun sebanyak 51.62% kepada RM41.44 juta pada 31 Disember 2014 berbanding RM85.65 juta pada 31 Disember 2013 disebabkan berlaku pengurangan ketara dalam sumber pembiayaan utama.


Amaun pindahan dari Akaun Hasil Disatukan telah dikurangkan sebanyak 90.01% iaitu daripada RM32.94 juta dalam tahun 2013 kepada RM3.29 juta. Pinjaman yang diterima pula hanya berjumlah RM1.54 juta berbanding RM12.56 juta dalam tahun 2013 manakala, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) pula telah berkurang sebanyak 14.07% (RM3.28 juta) berbanding pemberian dalam tahun 2013 berjumlah RM23.31 juta.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(i), Nota Kepada Penyata Kewangan**.


Perbelanjaan pembangunan dalam tahun 2014 berjumlah RM55.35 juta, iaitu 93.83% daripada peruntukan berjumlah RM58.99 juta. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan secara langsung sebanyak RM54.23 juta, manakala perbelanjaan melalui pinjaman sebanyak RM1.12 juta. Dengan jumlah terimaan sebanyak RM41.44 juta berbanding perbelanjaan RM55.35 juta, kumpulan wang ini mencatatkan kurangan sebanyak RM13.91 juta menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM14.05 juta.

Laporan terperinci mengenai perbelanjaan pembangunan boleh dirujuk kepada Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan. Carta 5 menunjukkan jumlah terimaan berbanding perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh 5 tahun manakala Carta 6 menunjukkan prestasi terimaan pembangunan mengikut komponen bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 5



CARTA 6



Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Dalam tahun 2014 Kerajaan Negeri telah membuat caruman sebanyak RM45.67 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus serta menampung baki defisit dalam Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM30.20 juta.

Sehingga berakhir 31 Disember 2014, perbelanjaan di bawah kumpulan wang ini adalah sebanyak RM17.66 juta iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM9.41 juta (34.76%) berbanding perbelanjaan tahun 2013 berjumlah RM27.07 juta.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(ii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Terdapat 5 kategori akaun dikelaskan di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2014 berjumlah RM243.64 juta berbanding RM107.25 juta pada akhir tahun 2013. Berlaku peningkatan sebanyak 127.17% disebabkan mulai tahun 2014, Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya (MARRIS) telah diklasifikasikan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan selaras dengan arahan Kementerian Kewangan Malaysia.

Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kategori Akaun Penyelesaian diselenggara bagi mengakaun pendahuluan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah aliran tunai Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2014 akaun ini berbaki RM104.82 juta berbanding RM64.82 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah mendapatkan pendahuluan baru berjumlah RM50.00 juta bagi menampung aliran tunai. Dalam tahun 2014 juga, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik tunggakan pendahuluan sebanyak RM10.00 juta melalui potongan pemberian Kerajaan Persekutuan.

Akaun Kena Bayar (AKB) di bawah kategori Pelbagai Kumpulan Wang merupakan jumlah tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang diterima dan disempurnakan sehingga 31 Disember 2014 tetapi dibuat bayaran dalam bulan Januari 2015. Pada tahun 2014, perbelanjaan di bawah AKB telah berkurang sebanyak 61.09% kepada RM7.40 juta berbanding RM19.02 juta pada tahun 2013.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri serta wang amanah yang diterima bagi maksud-maksud tertentu. Baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun 2014 berkurang sebanyak RM73.41% kepada RM53.47 juta berbanding RM201.07 juta dalam tahun 2013. Berlaku pengurangan ketara disebabkan sejumlah RM91.90 juta baki akaun Amanah Jalan Raya (MARRIS) dalam tahun 2013 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan peruntukan Akaun Amanah SUKMA sebanyak RM79.41 juta untuk menjayakan penganjuran SUKMA XVII Perlis 2014.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Akaun Deposit

Deposit terdiri daripada wang yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau perjanjian dan perlu dikembalikan apabila maksud kutipan telah tercapai. Bagi tahun 2014, jumlah deposit yang dipegang oleh kerajaan sebanyak RM38.86 juta berbanding RM37.26 juta pada tahun 2013.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(c), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai adalah penyata yang menunjukkan aliran masuk dan keluar wang tunai Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2014.

Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah mengalami kurangan wang tunai sebanyak RM47.02 juta berikutan jumlah aliran masuk wang tunai sebanyak RM247.47 juta berbanding jumlah aliran keluar tunai sebanyak RM294.49 juta. Kurangan menjadikan baki terkumpul wang tunai susut daripada RM89.89 juta dalam tahun 2013 kepada RM42.86 juta pada tahun 2014.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada pinjaman boleh dituntut, manakala liabiliti pula terdiri daripada hutang Kerajaan Negeri.

ASET

Pinjaman Boleh Tuntut

Baki Pinjaman Boleh Tuntut merupakan baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri. Sehingga 31 Disember 2014, jumlah pinjaman yang boleh dituntut adalah sebanyak RM103.50 juta berbanding RM99.61 juta pada tahun 2013. Dalam tahun 2014 Kerajaan Negeri telah menerima bayaran balik pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis berjumlah RM 2.59 juta. Butiran terperinci ditunjukkan dalam **Nota 8(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Tuntut.**


LIABILITI

Hutang Awam

Pada akhir tahun 2014, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM355.99 juta berbanding RM354.67 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri menerima tambahan pinjaman berjumlah RM11.22 juta bagi membiayai Program Pengurangan Kadar Kehilangan Hasil, Projek Pembangunan Semula Pekan Melayu dan Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri.

Carta 7 menunjukkan prestasi bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 7





**PENYATA
KEDUDUKAN KEWANGAN**

PERYATAAN

KEDUBUKAN KEWAJIBAN



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u>	<u>2013</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	42,864,513.77	89,888,527.36
PELABURAN	4	-	10,000,000.00
		42,864,513.77	99,888,527.36
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(307,267,651.94)	(242,563,931.40)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	350,132,165.71	342,452,458.76
		42,864,513.77	99,888,527.36

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.


**PENYATA
PENERIMAAN DAN
PEMBAYARAN WANG TUNAI**



PERHATIAN

PERHATIAN DAN

PERHATIAN WANG TUNAI



Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

PERLIS

	2014		2013	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
TERIMAAN				
HASIL				
Hasil Cukai	12,492,866.85		12,471,390.81	
Hasil Bukan Cukai	79,032,797.99		62,271,035.16	
Terimaan Bukan Hasil	76,517,718.16		69,080,631.59	
		168,043,383.00		143,823,057.56
PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	11,220,983.00		18,597,938.00	
		11,220,983.00		18,597,938.00
TERIMAAN MODAL				
Pelbagai Terimaan Modal	36,614,709.97		40,156,164.31	
Jualan Instrumen Kewangan	10,000,000.00		0.00	
		46,614,709.97		40,156,164.31
TERIMAAN LAIN				
Terimaan Amanah	21,588,824.30		76,312,940.94	
		21,588,824.30		76,312,940.94
JUMLAH TERIMAAN		247,467,900.27		278,890,100.81
BAYARAN				
PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	(42,781,472.99)		(39,591,594.72)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(55,976,857.01)		(50,466,858.24)	
Aset	(47,533,043.30)		(2,550,984.34)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(73,307,221.18)		(44,274,256.40)	
Perbelanjaan Lain	(175,872.94)		(142,445.43)	
		(219,774,467.42)		(137,026,139.13)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN				
Langsung	(54,232,061.43)		(56,243,059.78)	
Pinjaman	(1,125,173.89)		(13,185,050.56)	
		(55,357,235.32)		(69,428,110.34)
PERBELANJAAN MODAL				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	0.00		(10,000,000.00)	
		0.00		(10,000,000.00)
BAYARAN BALIK PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	(9,682,176.12)		(9,131,959.09)	
Pinjaman Kepada Agensi	(9,678,035.00)		(6,039,369.00)	
		(19,360,211.12)		(15,171,328.09)
BAYARAN LAIN				
Bayaran Amanah	0.00		0.00	
		0.00		0.00
JUMLAH BAYARAN		(294,491,913.86)		(231,625,577.56)
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		(47,024,013.59)		47,264,523.25
Wangtunai Pada, 31 Disember 2013		89,888,527.36		42,624,004.11
Wangtunai Pada, 31 Disember 2014		42,864,513.77		89,888,527.36

KERAJAAN NEGERI PERLIS

Pengiraan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

1 Pengiraan Wang Tunai

Wangtunai Pada 31 Disember 2014	A	42,864,513.77
Wangtunai Pada 31 Disember 2013	A	89,888,527.36
Lebihan /(Kurangan) Wangtunai		(47,024,013.59)

2. Pengiraan Jualan/Pembelian Instrumen Kewangan

Pelaburan Pada 31 Disember 2013	B	10,000,000.00
Pelaburan Pada 31 Disember 2014	B	0.00
(Pembelian)/ Jualan Pelaburan		10,000,000.00

3. Pengiraan Hasil / Perbelanjaan Hasil

Hasil Cukai	C	12,492,866.85
Hasil Bukan Cukai	C	79,032,797.99
Terimaan Bukan Hasil	C	76,517,718.16
		168,043,383.00

4. Perbelanjaan Mengurus

Emolumen	C	(42,781,472.99)
Perkhidmatan Dan Bekalan	C	(55,976,857.01)
Aset	C	(47,533,043.30)
Perbelanjaan Lain	C	(175,872.94)
Pemberian/Kenaan Tetap	C	(86,279,857.30)
Tolak - Pindahan ke KWP	E1a	3,290,460.00
- Pindahan ke AK Hasil	E1d	0.00
- Bayaran Balik Pinjaman		9,682,176.12
		(73,307,221.18)
		(219,774,467.42)

5. Perbelanjaan Pembangunan

Langsung KWP	E1a	(54,232,061.43)
Langsung Hutan	E1d	0.00
		(54,232,061.43)
Pinjaman KWP	E1a	(1,125,173.89)
Pinjaman Hutan	E1d	0.00
		(1,125,173.89)
		(55,357,235.32)

6. Pengiraan Terimaan Modal (Kumpulan Wang Pembangunan E1a/E1d)

Pengiraan Pelbagai Terimaan Modal	Kt	Dt
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian li	13,813,047.00	0.00
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	20,027,937.00	0.00
Ansuran Perumahan Awam	1,238,902.77	0.00
Jualan Perumahan Kos Rendah	1,534,823.20	0.00
Jumlah	36,614,709.97	0.00

7. Pengiraan Pinjaman Dalam Negeri

Terimaan Kt

A. Jumlah Pinjaman

Pinjaman Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Badan Berkanun	D	6,487,300.00
Pinjaman Pinjaman Bekalan Air	D	3,190,735.00
Pinjaman Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Pelbagai	D	1,542,948.00
		11,220,983.00

B. Bayaran Balik Pinjaman

9,682,176.12

C. Pinjaman Kepada Agensi

9,678,035.00

8. Pengiraan Amanah		Baki Awal 31 Disember 2013	Dt	Kt	Baki Akhir 31 Disember 2014
Perbelanjaan Pembangunan KWP :					
Kumpulan Pembangunan	E1a	27,961,829.85			14,052,712.50
Langsung	E1a		54,232,061.43		
Pinjaman	E1a		1,125,173.89		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman	E1a			1,542,948.00	
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1a			3,290,460.00	
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian li	E1a		0.00	13,813,047.00	
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	E1a		0.00	20,027,937.00	
Ansuran Perumahan Awam	E1a		0.00	1,238,902.77	
Jualan Perumahan Kos Rendah	E1a		0.00	1,534,823.20	
		27,961,829.85	55,357,235.32	41,448,117.97	14,052,712.50
Perbelanjaan Pembangunan KWH :					
Kumpulan Hutan	E1d	0.00	0.00		0.00
			0.00		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan			0.00	0.00	
Pelbagai Terimaan Modal : Ses Kayu Balak	E1d		0.00	0.00	
		0.00	0.00	0.00	0.00
		27,961,829.85	55,357,235.32	41,448,117.97	14,052,712.50
Kumpulan Pinjaman Perumahan/Air	E1b	(31,096,955.57)	17,664,694.43	48,859,715.00	98,065.00
Pelbagai Kumpulan Amanah	E1c	107,252,678.18	383,099,244.46	519,487,303.65	243,640,737.37
Kumpulan Amanah Awam	E2	201,072,733.64	295,562,784.13	147,966,455.48	53,476,404.99
Deposit	E3	37,262,172.66	4,995,604.79	6,597,677.98	38,864,245.85
Jumlah		342,452,458.76	756,679,563.13	764,359,270.08	350,132,165.71
Tolak					
Perbelanjaan Pembangunan KWP :					
Langsung	E1a		(54,232,061.43)		
Pinjaman	E1a		(1,125,173.89)		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman	E1a			(1,542,948.00)	
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1a			(3,290,460.00)	
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian li	E1a		0.00	(13,813,047.00)	
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	E1a		0.00	(20,027,937.00)	
Ansuran Perumahan Awam	E1a		0.00	(1,238,902.77)	
Jualan Perumahan Kos Rendah	E1a		0.00	(1,534,823.20)	
Perbelanjaan Pembangunan KWH :					
Langsung	E1d		0.00		
Pinjaman	E1d		0.00		
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1d		0.00	0.00	
Pelbagai Terimaan Modal : Ses Kayu Balak	E1d		0.00	0.00	
			(55,357,235.32)	(41,448,117.97)	
			701,322,327.81	722,911,152.11	21,588,824.30

PENYATA PRESTASI KEWANGAN



PENYATA PRESTASI KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

	<i>Nota</i>	<u>2014</u>		<u>2013</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	82,770,000.00	168,043,383.00	143,823,057.56
<i>Tolak :</i>				
Belanja Mengurus	5	240,449,327.00	232,747,103.54	179,100,538.22
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(157,679,327.00)	(64,703,720.54)	(35,277,480.66)
<i>Tolak :</i>				
Belanja Pembangunan	7	58,285,870.00	55,357,235.32	69,428,110.34
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(215,965,197.00)	(120,060,955.86)	(104,705,591.00)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaar	7		41,448,117.97	85,657,173.31
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		78,612,837.89	19,048,417.69
JUMLAH PEMBIAYAAN			120,060,955.86	104,705,591.00

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM



PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u>	<u>2013</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		103,504,656.49	99,613,772.61
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Kerajaan Negeri		355,996,070.45	354,675,528.69

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN



NOTA REVISI
PENYATA KEMANGAN

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas (12) bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :-

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pelaburan Deposit Dalam Negeri

bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2014 RM	2013 RM
Wang Tunai Dalam Bank	42,746,301.59	89,426,612.52
Wang Tunai Dalam Perjalanan	94,195.29	443,161.39
Wang Tunai Dalam Tangan	24,016.89	18,753.45
JUMLAH WANG TUNAI	42,864,513.77	89,888,527.36

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS.

Pada 31 Disember 2014 tiada pelaburan dilaporkan kerana semua pelaburan berjumlah RM10 Juta telah dcairkan bagi menampung keperluan tunai.

<i>Perihal</i>	2014 Nilai Buku		2013 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM
Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	10,000,000.00
Pelbagai	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah</i>	0.00	0.00	0.00	10,000,000.00
JUMLAH PELABURAN	-		10,000,000.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014			2013	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		(242,563,931.40)		(207,286,450.74)	
HASIL					
Hasil Cukai	14,011,020.00	12,492,866.85	89.16	12,471,390.81	89.07
Hasil Bukan Cukai	40,578,410.00	79,032,797.99	194.77	62,271,035.16	160.33
Terimaan Bukan Hasil	28,180,570.00	76,517,718.16	271.53	69,080,631.59	296.73
Jumlah Hasil	82,770,000.00	168,043,383.00	203.02	143,823,057.56	188.94
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	44,631,796.00	42,781,472.99	95.85	39,591,594.72	98.07
Perkhidmatan dan Bekalan	57,149,481.00	55,976,857.01	97.95	50,466,858.24	97.48
Aset	48,023,490.00	47,533,043.30	98.98	2,550,984.34	92.36
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	56,977,948.00	82,989,397.30	145.65	53,406,215.49	82.92
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	176,152.00	175,872.94	99.84	142,445.43	96.65
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	206,958,867.00	229,456,643.54	110.87	146,158,098.22	91.66
Pindahan ke Kumpulan					
Wang Pembangunan	33,490,460.00	3,290,460.00	9.83	32,942,440.00	100.00
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	240,449,327.00	232,747,103.54	96.80	179,100,538.22	93.09
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		(64,703,720.54)		(35,277,480.66)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(307,267,651.94)		(242,563,931.40)	

Nota : (**) - Tidak termasuk peruntukan untuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014			2013		
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	Sebenar RM	% Anggaran	
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	11,250,010.00	11,250,010.00	10,118,567.90	89.94	10,059,148.00	89.65
Cukai Parit Dan Taliair	750,000.00	750,000.00	541,336.20	72.18	709,957.84	92.20
Cukai Keluaran Hutan	2,011,000.00	2,011,000.00	1,832,962.75	91.15	1,702,284.97	84.65
Cukai Hiburan	10.00	10.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Hasil Cukai	14,011,020.00	14,011,020.00	12,492,866.85	89.16	12,471,390.81	89.07

Perihal	2014				2013	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	7,835,340.00	7,835,340.00	7,470,499.94	95.34	5,647,754.42	70.25
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	2,293,680.00	2,293,680.00	4,316,879.15	188.21	7,014,844.51	308.88
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	25,504,320.00	25,504,320.00	60,406,361.83	236.85	44,053,989.96	180.31
Sewaan	3,682,280.00	3,682,280.00	4,744,999.66	128.86	2,358,563.47	84.54
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	766,070.00	766,070.00	1,750,546.54	228.51	2,869,585.42	374.59
Denda dan Hukuman	496,720.00	496,720.00	343,510.87	69.16	326,297.38	60.48
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	40,578,410.00	40,578,410.00	79,032,797.99	194.77	62,271,035.16	160.33
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	29,510.00	29,510.00	3,655,501.56	12,387.33	1,199,630.59	1,512.78
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	28,151,060.00	28,151,060.00	72,862,216.60	258.83	67,881,001.00	292.58
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	28,180,570.00	28,180,570.00	76,517,718.16	271.53	69,080,631.59	296.73
JUMLAH HASIL	82,770,000.00	82,770,000.00	168,043,383.00	203.02	143,823,057.56	188.94

